

Jangan Pandang Rendah Terhadap Bahaya Bahan Kimia

Dalam bulan Disember 2008, seorang pelajar di sebuah makmal penyelidikan universiti di Amerika Syarikat melecur teruk semasa memindahkan 2 oz (60 ml) t-Butyl Lithium daripada satu bekas ke bekas yang lain. T-Butyl Lithium ialah bahan *pyrophoric* – ia mudah terbakar dengan sendirinya (*spontaneously*) apabila terdedah kepada udara. Siasatan awal mendapati pelajar tersebut tidak menjalani latihan untuk memindahkan bahan tersebut dan tidak memakai pakaian dan alat perlindungan diri yang dikehendaki. Kejadian berlaku apabila bahan tersebut terbakar sebaik sahaja tertumpah dan tersedibah ke badan pelajar tersebut dan membakar pakaiannya. Beliau mengalami kebakaran teruk dan meninggal dunia beberapa minggu kemudian.



Apabila anda bekerja di loji dan tempat yang mengandungi banyak bahan mudah terbakar dan toksik, anda mungkin memandang rendah

(*underestimate*) kepada bahan-bahan lain yang jumlahnya sedikit. Hampir semua loji memerlukan sampel produk diambil untuk dianalisa di makmal. Kebanyakan loji mempunyai makmal sendiri untuk menjalankan ujian pengawalan kualiti. Analisa makmal ini biasanya menggunakan bahan kimia yang sedikit, bahan tersebut tidak terdapat di tempat-tempat lain di loji anda dan anda mungkin tidak tahu atau sedar bahaya mengenainya.

Jangan memandang rendah bahaya bahan kimia walaupun kuantitinya sedikit, terutamanya terhadap kakitangan yang mengendalikannya.

Apa Harus Anda Lakukan?

- Kenal pasti bahaya **semua** bahan kimia yang anda kendalikan walaupun kuantitinya sedikit. Jangan lupa pada bahan kimia yang digunakan di makmal kawalan kualiti di loji anda.
- Pastikan anda menjalani latihan untuk kerja-kerja percontohan (*sampling operations*) dan tahu peralatan khas yang diperlukan untuk mengambil sampel dengan selamat.
- Fahami jenis pakaian dan peralatan yang diperlukan untuk melindungi diri anda daripada bahaya bahan kimia dan sentiasa memakai alat tersebut jika diperlukan.
- Tahu di mana letaknya alat kecemasan seperti sistem pancuran air dan pencuci mata (*emergency shower and eyewash*) dan cara menggunakannya apabila anda mengendalikan bahan kimia.
- Sentiasa gunakan bekas khas yang disediakan untuk mengambil, mengangkut dan memindahkan bahan berbahaya.

Bahan kimia yang kuantitinya sedikit juga boleh membawa bahaya!

AICHE © 2008. Hak Milik Terpelihara. Penerbitan semula untuk tujuan pendidikan adalah digalakkan. Walau bagaimana pun, terbitan semula untuk jualan oleh pihak selain CCPS adalah dilarang. Sila hubungi CCPS ccps_beacon@aiche.org atau 212-591-7319